

Tutup ruang lelaki cerai isteri melalui SMS — Zainal

UM - 2 AUG 2003

KUALA TERENGGANU 1 Ogos — Timbalan Mufti Terengganu, Zainal Abidin Ahmad mencadangkan agar langkah diambil bagi menutup ruang kepada lelaki daripada menceraikan isteri melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS).

Menurut beliau, lafaz cerai melalui cara itu adalah satu tindakan tidak beradab dan tidak mengikut tatacara perceraian yang telah digariskan oleh Islam.

Katanya, Islam telah menggariskan setiap perceraian (talak) perlu dilakukan secara berlafaz (*sighah*) manakala isteri pula harus mendengar lafaz cerai yang dikeluarkan oleh suami.

“Oleh sebab itu di negara kita mempunyai peraturan setiap lafaz cerai perlu dibuat di hadapan pe-

gawai agama dengan tujuan perceraian itu benar-benar dilafazkan.

“Berhubung dengan cerai SMS ini, saya kawatir ia dihantar oleh orang lain atau ia dibuat secara guraian atau main-main.

“Sedangkan cerai perlu dilafazkan dan sekiranya berlaku ia boleh mendatangkan penganiayaan kepada isteri,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Pada 24 Julai lalu, Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur mengesah dan mensahitkan perceraian satu pasangan suami isteri yang dilafazkan melalui SMS April lalu.

SMS yang dihantar oleh Shamsudin Latif kepada bekas isterinya, Azida Fazlina Abdul Latif tertera: “Kalau engkau tak keluar dari ru-

mah mak bapak engkau, jatuh talak tiga.”

Ekoran daripada keputusan tersebut, pelbagai pihak telah memberikan reaksi termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Kelmarin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin berkata, lafaz cerai melalui SMS tidak sah sehingga diperakukan oleh Mahkamah Syariah di negara ini.

Menteri itu memberi contoh jika seseorang suami menghantar SMS menyatakan cerai kepada isteri, talak tidak jatuh kerana ia tertakluk kepada hukum bahawa mengikut undang-undang Islam di negara ini ia perlu dihawa ke mahkamah untuk disahkan.

Sementara itu, Zainal Abidin menambah, mengikut tatacara dan adab Islam, selain dilafazkan, perceraian juga tidak wajar dilakukan dalam keadaan marah atau dalam keadaan hati yang tidak tenteram.

“Talak hanya boleh dijatuhkan dalam situasi yang tenteram serta tenang dan si suami pula telah memikirkan perkara itu semasak-masaknya.

“Islam juga telah menetapkan suami yang mahu melepaskan isterinya perlu dilakukan dengan cara yang baik.

“Mengapa masa kita kahwin kita buat cara baik tetapi masa hendak lepaskan isteri, kita huat cara yang tidak baik?” tambahnya.